

Lebih banyak insentif diumumkan pertengahan tahun

UM - 6 FEB 1991

KUALA LUMPUR 5 Feb. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, banyak kelonggaran dan insentif pelaburan akan diumumkan pada pertengahan tahun ini.

"Pengumuman itu akan dibuat serentak dengan pelancaran Pelan Rangka Kasar Perspektif yang ke-2 pada Jun depan. Kerajaan bercadang memberi banyak kelonggaran bagi memastikan iklim pelaburan yang baik sekarang terus dikekalkan.

"Rekod pencapaian kita setakat ini adalah menjadi buktinya. Sebagai langkah awal ke arah itu garis panduan pegangan ekuiti 100 peratus bagi pelabur asing yang tamat pada hujung Disember 1990 telah dilanjutkan setahun lagi," jelasnya.

Berucap di perasmian persidangan "Labuan: Pusat Kewangan Pesisir Pantai," di sini pagi ini, Perdana Menteri berkata, selain dari memperkenalkan insentif baru, galakan lama yang ter-

bukti berjaya menarik pelaburan asing akan dikekalkan.

Kata Dato' Sri Dr. Mahathir lagi, selain dari menekankan perkembangan sektor swasta, dasar baru yang menggantikan Dasar Ekonomi Baru (DEB) akan terus menjadikan usaha mengimbangi kedudukan ekonomi antara kaum dan pembasmian kemiskinan sebagai teras dasar ekonomi negara yang baru.

Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, RME juga akan dibentangkan di Parlimen pada Jun depan.

Sementara itu semasa bercakap dengan para wartawan selepas majlis tersebut, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, kerajaan akan mengambilkira laporan Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MAPEN), cadangan-cadangan serta teguran Unit Perancangan Ekonomi (EPU) dan sebelum merangka dasar baru itu.